



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami: KKM.600-34/1/3 Jld.4 (15)

Tarikh : 9 Februari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENAMATAN PEMBEKALAN UBAT ANTIVIRAL COVID-19 KE FASILITI KESIHATAN SWASTA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, penggunaan ubat antiviral Paxlovid® bagi merawat pesakit COVID-19 telah dimulakan di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak 15 April 2022, dan telah diperluaskan ke fasiliti kesihatan swasta sejak 16 Jun 2022, di mana pemberian ubat Paxlovid® kepada pesakit di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma.

3. Dengan mengambilkira situasi semasa, ubat Paxlovid® **akan dibekalkan secara percuma kepada pesakit oleh fasiliti Kerajaan sahaja.** Ini adalah berdasarkan beberapa perkara merangkumi:

- i. Kriteria pemberian ubat Paxlovid® kepada pesakit COVID-19 sedang dalam proses semakan pakar perubatan penyakit berjangkit.
- ii. Pemerkasaan masyarakat supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan mendapatkan dos primer serta penggalak vaksin COVID-

19 untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan, morbiditi dan kematian terutamanya bagi golongan yang berisiko tinggi.

- iii. Pola penggunaan ubat Paxlovid® yang rendah di fasiliti kesihatan swasta.
- iv. Pengamal swasta boleh membeli ubat antiviral Paxlovid® secara terus dari syarikat pembekal.

4. Sehubungan dengan itu, **'SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 16 TAHUN 2022: GARIS PANDUAN PELUASAN PENGGUNAAN UBAT ANTIVIRAL COVID-19 KE FASILITI KESIHATAN SWASTA'** dengan rujukan KKM.600-34/1/3 Jld 3 (28) bertarikh 16 Jun 2022 berserta **'Garis panduan Peluasan Penggunaan Rawatan Ubat Antiviral COVID-19 Bagi Fasiliti/ Pengamal Perubatan Swasta'** (Annex 2r) adalah **dibatalkan** mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Segala kerjasama yang telah diberikan oleh semua pengamal perubatan swasta yang mengambil bahagian dalam program peluasan penggunaan ubat antiviral COVID-19 ke fasiliti kesihatan swasta sepanjang tempoh ini adalah amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

6. Jika terdapat keperluan untuk pesakit di fasiliti kesihatan swasta diberikan ubat Paxlovid®, boleh dirujuk ke fasiliti kesihatan kerajaan untuk penilaian lanjut seperti di pautan <https://covid-19.moh.gov.my/maklumat/senarai-fasiliti-kesihatan-primer-yang-boleh-dispens-paxlovid>

7. Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, untuk perhatian Dr. Rajini Sooryanarayana, di alamat e-mel: drrajini@moh.gov.my / talian 03-8883 2159 dan pertanyaan juga boleh ditujukan kepada Cik Nor Azlin Adam di alamat e-mel: azlin_adam@moh.gov.my / talian 03-8883 3937.


8. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat YB Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat YB Timbalan Menteri Kesihatan 1

Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat YB Timbalan Menteri Kesihatan 2

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Perolehan dan Penswastaaan

Pengarah Kanan
Program Perkhidmatan Farmasi

Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan
(u.p: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta)

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Hospital
Hospital Kuala Lumpur

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
(*Malaysian Medical Association, MMA*)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysian (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)